



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE- 170 BIL.18/2025

CADANGAN PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN KENDERAAN UNIVERSITI ATAU LAIN-LAIN BAGI AKTIVITI PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Assalamualaikum dan Salam Hormat,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa susulan insiden kemalangan bas melibatkan warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), pihak universiti telah mengambil langkah penguatkuasaan serta-merta bagi memastikan keselamatan semua pihak. Sehubungan itu, semua staf dan pelajar adalah diminta untuk mematuhi ketetapan berikut;

1. Had Masa Pergerakan Kenderaan Universiti

Sebarang aktiviti pelajar yang melibatkan pergerakan menggunakan kenderaan universiti **hanya dibenarkan dijalankan sebelum jam 10:00 malam atau selepas jam 5:00 pagi sahaja.**

2. Penggunaan Kenderaan Sewa Luar

Sekiranya aktiviti yang dianjurkan melibatkan penggunaan kenderaan sewaan luar, **WAJIB dilakukan melalui sewaan kontrak berpusat di bawah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH).**

3. Kenderaan Tajaan Pihak Luar

Sekiranya aktiviti melibatkan kenderaan luar **selain** daripada sewaan kontrak PPPH (contohnya: kenderaan tajaan agensi luar), **WAJIB dimaklumkan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan PPPH** bagi tujuan pemantauan dan rekod rasmi.

4. Perancangan Laluan Selamat

Pihak penganjur bertanggungjawab untuk **merancang perjalanan dengan teliti serta mengelakkan laluan yang dikenalpasti berisiko tinggi terhadap kemalangan.**

5. Pematuhan Polisi Permohonan Kenderaan

Semua pihak penganjur **WAJIB mematuhi Polisi Permohonan Kenderaan Universiti** yang telah dikuatkuasakan oleh pihak PPPH.

6. Kesedaran Keselamatan Jalan Raya

Semua pihak digalakkan untuk **memperbanyakkan aktiviti kesedaran keselamatan jalan raya** selari dengan pelaksanaan aktiviti pelajar.

Diharap semua mahasiswa dan staf mengambil perhatian berkaitan pemakluman ini. Sebarang pertanyaan boleh hubungi **09-4315054** (Kampus Gambang) / **09-431 5027** (Kampus Pekan) atau e-mel kepada admin_jhepa@umpsa.edu.my

Kerjasama semua pihak dalam mematuhi ketetapan ini amat dihargai demi keselamatan bersama.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



Profesor Ts. Dr. Aida bin Mustapha

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 9 Jun 2025